

## SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker  
Telefon +49 69 756081-33  
Faks +49 69 756081-11  
E-mel s.becker@vdw.de

### **Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman (VDW) menawarkan barisan perkhidmatan yang menyeluruh bagi EMO Hannover 2013**

**Kuala Lumpur, 15 Januari 2013.** – EMO Hannover 2013, pameran perdagangan pertukangan logam global yang terunggul, akan diadakan dari 16 hingga 21 September 2013 oleh Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman (VDW) yang bertapak di Frankfurt am Main, bagi pihak Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah (CECIMO) yang bertapak di Brussels, dengan kerjasama Deutsche Messe yang bertapak di Hannover, Jerman. VDW mewakili industri perkakas mesin Jerman dan adalah antara sebilangan kecil persatuan industri yang menganjurkan sendiri pameran perdagangan bagi sektornya. Disebabkan tradisi yang panjang ini dan atas jasa kumpulan pakar yang ramai, VDW terkenal dengan keupayaannya mengadakan acara yang berkualiti. Selain EMO Hannover, yang merangkumi METAV di Düsseldorf, pameran perdagangan antarabangsa bagi teknologi perkilangan dan automasi akan berlangsung dari 11 hingga 15 Mac 2014.

VDW dan persatuan sektor Perkakas Mesin Dan Sistem Perkilangan di dalam VDMA (Persekutuan Kejuruteraan Jerman) secara keseluruhan dianggotai kira-kira 280 ahli sukarela, yang merangkumi 90 peratus daripada pusing ganti industri yang dihasilkan di Jerman. VDW memperjuangkan kepentingan ahlinya pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebagai pengajur EMO Hannover 2013, VDW menawarkan pengunjung dan pemamer barisan perkhidmatan yang luas dengan kerjasama Deutsche Messe, yang merangkumi pendaftaran dalam talian, sokongan berbilang bahasa melalui wakil Deutsche Messe di luar negeri, bantuan dengan urusan visa, tawaran perjalanan kereta api dan penerbangan yang menarik ke EMO, maklumat dalam

talian dalam sembilan bahasa, aturan istimewa untuk delegasi asing, lawatan bertema keliling pameran dan sebagainya Maklumat lengkap boleh didapati di [www.emo-hannover.de](http://www.emo-hannover.de).

Para wartawan boleh melayari [www.emo-hannover.de/pressservice](http://www.emo-hannover.de/pressservice) untuk mendapatkan maklumat media yang terkini mengenai EMO Hannover 2013 dalam bahasa Inggeris dan Jerman. Pengumuman penting juga diterbitkan dalam bahasa Cina, Jepun, Rusia, Sepanyol, Itali, Portugis dan Perancis. Selain fakta dan angka mengenai acara tersebut, para wartawan boleh menggelintar butir-butir mengenai pemamer serta produk dan perkhidmatan mereka. Maklumat akhbar yang lengkap dan gambar-gambar boleh dimuat turun, juga klip video yang semakin bertambah bilangannya. Para wartawan juga boleh mendaftar sebagai penerima surat berita EMO dalam bahasa Inggeris untuk mengikuti berita terkini mengenai pameran ini dan juga mengenai pemamer. Laman web ini juga menyediakan panduan yang berguna mengenai perjalanan, penginapan di Hannover dan banyak lagi.

Kakitangan yang boleh dihubungi:

Edaran Anfas (M) Sdn Bhd \*

Lai-Lyn Fong / Penny Tan

Petaling Jaya, Malaysia

Telefon: +60 3 78 03 22 76

E-Mel: [info@hf-malaysia.com](mailto:info@hf-malaysia.com)

#### **EMO Hannover 2013 – pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi sektor pertukangan logam**

Dari 16 hingga 21 September 2013, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempamerkan "Kepintaran Pengeluaran" di EMO Hannover 2013. Pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi industri pertukangan logam ini akan mempersembahkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam yang canggih, iaitu nadi setiap proses perkilangan perindustrian. Pameran ini akan membawa jentera terkini, penyelesaian yang cekap, perkhidmatan sokongan, kaedah mencapai kelestarian proses pengeluaran dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas mesin yang digunakan untuk memotong dan membentuk logam, sistem pengeluaran, perkakas persis tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barang elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung ke EMO merangkumi setiap cabang utama industri, seperti pembuatan jentera dan kilang, industri automotif dan para pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, mekanik dan optik persis, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pembuatan perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan pembinaan ringan. EMO Hannover ialah paksi antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran seluruh dunia. EMO Hannover 2011 telah menampilkan 2,000 lebih pemamer dan menarik kira-kira 140,000 pengunjung dari 100 lebih negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah (CECIMO).

Teks dan gambar sidang akhbar hari ini boleh didapati dalam talian daripada: [www.emo-hannover.de/pressservice](http://www.emo-hannover.de/pressservice).

Anda juga boleh mengikuti EMO melalui saluran-saluran media sosial yang berikut:



[http://twitter.com/EMO\\_HANNOVER](http://twitter.com/EMO_HANNOVER)



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>



<http://linkedin.com/company/emo-hannover>



<http://www.cnc-arena.com/de/newsroom/emohannover>

---